

19/08/1999

Pembangkang masih gagal selesai isu agihan kerusi

SERDANG, Rabu - Gabungan empat parti pembangkang hari ini gagal menyelesaikan pembahagian kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Malah, kerusi yang menjadi pertikaian antara pemimpin Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), juga ingin ditandingi DAP.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Keadilan, Saifuddin Nasution Ismail, berkata keadaan itu berlaku kerana ada parti berminat bertanding di kerusi yang ingin ditandingi parti lain.

"Formula pembahagian kerusi sudah dicapai, tetapi masih ada satu dua kerusi yang belum dapat diselesaikan. Kita (Keadilan) berminat, Pas pun berminat. DAP pula berkata mereka juga boleh bertanding," katanya dalam ucapan pada pelancaran Keadilan bahagian Serdang, di sini malam tadi.

Bagaimanapun, Saifuddin berkata, semua parti alternatif - Keadilan, Pas, DAP dan PRM mencapai kata sepakat untuk bertanding satu lawan satu dengan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya ini.

"Keadilan juga sepakat untuk menggunakan satu manifesto dan mulai 31 Ogos ini semua keempat-empat pemimpin parti alternatif akan mengadakan ceramah bergerak bermula di Kota Bharu dan kemudian Permatang Pauh," katanya.

Saifuddin yang mendakwa menemui Datuk Seri Anwar Ibrahim di mahkamah pagi ini berkata, pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh terdekat.

Katanya, alasan yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa pilihan raya tidak mungkin diadakan dalam tempoh terdekat akan berlaku sebaliknya.

Sehubungan itu katanya, rakyat perlu menyokong pembangkang kerana mereka bukan berhasrat menggantikan Kerajaan Malaysia, tetapi ingin menggantikan parti pemerintah.

"Kita bukan hendak tukar kerajaan dengan kerajaan Uganda atau negara-negara Afrika, tetapi ingin menukar parti pemerintah," katanya.

(END)